



A GLOBAL COLLEGE
INTERNATIONAL COLLEGE OF YAYASAN MELAKA

KYM INTERNATIONAL (No.111657V)

No 1, Jalan Bukit Sebukor, 75150 Melaka, Malaysia. Tel :+606-2817732 Fax : +606-2816845



A GLOBAL COLLEGE
INTERNATIONAL COLLEGE OF YAYASAN MELAKA

CyberSecurity
MALAYSIA

An agency under MOSTI

Kenyataan Media

Press Release

Tarikh: 18 April 2010

Untuk Siaran Segera

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) DI ANTARA KYM INTERNATIONAL & CYBERSECURITY MALAYSIA

PUSAT MULTIMEDIA KOMPLEKS ANAK YATIM FATIMAH AL-ZAHARAH
*Salah satu komponen **Tunas Cemerlang**, iaitu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama KYM International*

BANDARAYA MELAKA, 18 April 2010 - Satu Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara KYM International yang diwakili oleh Datuk Saroni Judi, Ketua Eksekutif KYM International dan CyberSecurity Malaysia yang diwakili oleh Lt. Kol. Husin Jazri (B), Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia telah diadakan pada 18 April 2010 bertempat di Dewan Auditorium KYM International, Melaka.

Majlis telah disaksikan oleh YAB Datuk Seri Hj Mohd Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka. Turut hadir di majlis tersebut ialah YB Datuk Hj. Md Yunus Husin, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan Usawahan dan Negeri serta pegawai-pegawai dari KYM International dan CyberSecurity Malaysia.



www.kym.edu.my



KYM INTERNATIONAL (No.111657V)

No 1, Jalan Bukit Sebukor, 75150 Melaka, Malaysia. Tel :+606-2817732 Fax : +606-2816845

A GLOBAL COLLEGE
INTERNATIONAL COLLEGE OF YAYASAN MELAKA

Pusat Multimedia Fatimah Al-Zaharah merupakan salah satu komponen utama Program Tunas Cemerlang yang merupakan sebuah program Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility–CSR) yang diterajui oleh CyberSecurity Malaysia. Program Tunas Cemerlang di Negeri Melaka ini adalah merupakan program pertama yang dianjurkan bersama KYM International. Manakala, Kompleks Anak Yatim Fatimah Al-Zaharah pula adalah merupakan penerima serta lokasi bagi Program Tunas Cemerlang ini dilaksanakan.

Matlamat utama program ini adalah untuk memperkenalkan dunia siber dan Internet kepada anak-anak di Fatimah Al-Zaharah supaya mereka dapat mencipta idea baru, mencerna minda serta cerdas dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Melalui program ini, anak-anak Fatimah Al-Zaharah akan diberi pendedahan kepada penggunaan komputer dan Internet secara berhemah serta meningkatkan lagi ciri-ciri kemahiran pemikiran kreatif mereka. Sumbangan pembentukan kemahiran berfikir secara kreatif di kalangan anak-anak ini akan membolehkan mereka membuat pertimbangan yang baik serta mengeluarkan pendapat serta idea secara kreatif kepada negara selaras dengan matlamat **MyIdeas.com**.

Ketua Eksekutif KYM International, Datuk Saroni Judi berkata, penubuhan Pusat Multimedia Fatimah Al-Zaharah bertujuan untuk memperkenalkan asas-asas pengetahuan penggunaan komputer dan internet kepada anak-anak di Fatimah Al-Zaharah, demi membantu anak-anak ini dalam melaksanakan kerja-kerja sekolah serta memperkembangkan minda mereka supaya tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan ilmu melalui internet peringkat global.

Di samping itu, pelajar-pelajar KYM International akan turut membentuk pasukan sukarelawan yang akan bertindak sebagai tenaga pengajar dalam penggunaan komputer dan Internet di samping meningkatkan kesedaran keselamatan siber di kalangan anak-anak Fatimah Al-Zaharah



www.kym.edu.my



A GLOBAL COLLEGE
INTERNATIONAL COLLEGE OF YAYASAN MELAKA

KYM INTERNATIONAL (No.111657V)

No 1, Jalan Bukit Sebukor, 75150 Melaka, Malaysia. Tel :+606-2817732 Fax : +606-2816845

KYM International melalui Sekolah Teknologi Media dan Seni (STMS) akan bekerjasama dengan CyberSecurity Malaysia, yang merupakan agensi di bawah kawalselia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dalam membangunkan bahan-bahan multimedia seperti klip-klip animasi dan video bertujuan untuk memberi pengetahuan serta kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan kesedaran keselamatan siber dan Internet secara berterusan.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Lt. Kol. (B) Husin Jazri, berkata, sebanyak 10 buah komputer di samping kemudahan IT yang lain akan disediakan di Pusat Multimedia Fatimah Al-Zaharah ini. Menurutnya lagi, dengan adanya kemudahan ini, anak-anak di Fatimah Al-Zaharah boleh mendalami ilmu pengetahuan melalui Internet dan berhubung secara maya melalui laman-laman media sosial dan e-mel dengan kanak-kanak lain di Malaysia dan juga seluruh dunia. Melalui pendedahan ini, mereka boleh bergerak maju setanding anak-anak yang lebih bernasib baik di arus kepesatan era digital ini.

Melalui program ini juga anak-anak di Fatimah Al-Zaharah akan dapat menyumbang pendapat serta pandangan mereka melalui satu platform untuk mencipta idea baru, mencerna dan menjelas idea, membuat keputusan serta menyelesaikan masalah mereka melalui kemahiran pemikiran berfikir dan mengeluarkan pendapat secara kreatif ke arah kemajuan negara melalui **MyIdeas com**.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Harmiyati binti Mohamed Mohtar
Pegawai Komunikasi Korporat & Perhubungan Luar
KYM International

Telefon : 06-2817732 samb. 262 / 0196626732

Fax : 06-2816845

Email : harmiyati@kym.edu.my



www.kym.edu.my



A GLOBAL COLLEGE
INTERNATIONAL COLLEGE OF YAYASAN MELAKA

KYM INTERNATIONAL (No.111657V)

No 1, Jalan Bukit Sebukor, 75150 Melaka, Malaysia. Tel :+606-2817732 Fax : +606-2816845

Ataupun hubungi pegawai-pegawai Perhubungan Media dari CyberSecurity Malaysia:

- Mohd Shamil Mohd Yusoff shamil@cybersecurity.my
- Sandra Isnaji sandra@cybersecurity.my

Mengenai KYM International

Penubuhan KYM International adalah berpaksikan kepercayaan bahawa pengajian pendidikan tinggi adalah penting untuk kemajuan sesebuah negara.

Institusi ini bermula megah pada tahun 1997 apabila dibuka dengan rasminya oleh Menteri Pendidikan ketika itu, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang kini merupakan Perdana Menteri Malaysia. Sejak dari itu, KYM International telah berjaya menyediakan mutu pendidikan dan latihan yang berkualiti agar dapat bersaing di peringkat global.

Mengenai CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia merupakan pusat pakar keselamatan siber nasional dan sebuah agensi korporat di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia adalah:

- Digital Forensics / CyberCSI™
- Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT)/Cyber999™
- Security Management and Best Practices
- Security Assurance
- Malaysia Common Criteria Certification Body (MyCB)
- Cyber Security Training and Professional Certification
- Outreach, Awareness, and Social Responsibility Programmes
- Cyber Security Policy and Legal Research

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami www.cybersecurity.my. Manakala untuk melaporkan insiden atau ancaman keselamatan siber ke Pusat Bantuan Cyber999™ (seperti pencerobohan, kecurian identiti dan pembulian melalui internet), sila e-mel ke cyber999@cybersecurity.my



www.kym.edu.my